

Alam Wanita

Siti Zaynab binti Faṭimah al-Zahrā' (Pahlawan Wanita Islam)

Memang sudah masyhur di seluruh dunia, bahawa kaum wanita itu adalah diciptakan oleh Tuhan sebagai satu makhluk yang mempunyai kelemahan di dalam segala sifat. Oleh sebab itu, Tuhan telah menguatkan perintahnya di dalam beberapa ayat al-Qurān supaya kaum laki-laki mempunyai perasaan timbang rasa terhadap kaum wanita serta berlaku lemah-lembut kepadanya; kerana kaum wanita itu mempunyai sifat-sifat kekurangan di dalam segala segi dan jurusan; sehingga di dalam urusan menunaikan kewajipan agama pun mereka lemah dan kekurangan.

Begitu pula hadith Rasulullah (S.A.W) banyak memperkatakan soal kelemahan kaum wanita ini. Sungguhpun sifat-sifat kelemahan itu sudah tersurat dan terlukis dari azali; tetapi dengan adanya sifat-sifat kelemahan itu ada kalanya menjadi satu senjata yang amat tajam. Ibarat batu yang keras itu lama-kelamaan akan lekuk juga jika selalu ditimpa oleh air setitik demi setitik. Begitulah juga halnya dengan sifat kelemahan kaum wanita, pada suatu ketika dapat melemahkan segala tulang-belulang yang keras pejal.

(Oleh: Um Muhsin)

Siti Zaynab puteri Saiyidina Ali karam Allāhu wajhah yang akan saya bicarakan di dalam makalah ini, ialah saudara perempuan kepada Saiyidina Hassan dan Saiyidina Husain radīya Allahu ‘anhumā. Ibunya ialah Saiyidatina Fatimah Al-Zahrā' binti al-Rasul (S.A.W). Siti Zaynab puteri Islam yang sentiasa menjaga maruah dan kehormatan dirinya, puteri Islam yang selalu berada di dalam kain kelubangan hitam kerana menutup aurat dan memperlindungan kezhahiran susuk badannya yang akan mendatangkan ghairah kepada kaum laki-laki itu, sebenarnya beliau adalah seorang puteri Islam yang mempunyai sifat-sifat keberanian dan semangat perjuangan yang luar biasa. Siti Zaynab adalah puteri

Islam sejati, puteri kepada seorang pahlawan Islam yang dicintai Tuhan, berhati waja dan berdarah perwira.

Tatkala saudaranya Saiyidina Husain hendak pergi menjalankan tugas perjuangannya di Padang Karbala – sebuah padang pasir di negeri Iraq, tempat berlakunya pertempuran di antara tentera-tentera Saiyidina Husayn dengan tentera-tentera Mu‘awiyah bin Abu Sufyan – Siti Zaynab mengikuti adiknya ke medan pertempuran dari belakang. Ketika Saiyidina Husain hendak melangkah kakinya menuju ke Padang Karbala (tempat pahlawan Islam itu gugur terkorban), maka beliau sentiasa mengulang-ulangi membaca beberapa buah rangkap syair perjuangan yang berbunyi:

Hai pekerjaan yang hina-dina,
Nyahlah engkau dari keluarga yang mulia,
Berapa banyak untukmu keluarga yang mulia,
Orang yang berhak taat setia.

Masa itu tak pernah bertukar ganti,
Semua kejadian terpulang kepada Ilahi,
Setiap kecelakaan dengan mudah datang menghampirinya.

Rangkaian-rangkaian syair tersebut diulang-ulangi oleh Saiyidina Husain membacanya beberapa kali sambil didengar oleh Siti Zaynab dengan asyiknya. Setelah rangkaian-rangkaian syair yang bersemangat itu habis dibaca oleh adiknya, maka Siti Zaynab pun tidak tersabar lagi hatinya kerana ia faham akan tujuan maksud syair itu; ia pun terus bangkit meluru ke tempat adiknya itu sambil menjerit-jerit menangis melepaskan gelora hatinya yang sentiasa dirundung malang, seraya berkata kepada Saiyidina Husain:

“Husain! Aku lebih suka mati daripada hidup bergelimang dengan perasaan jiwa yang tidak tenteram ini: kerana ibuku Fatimah telah wafat, ayahku Ali telah wafat dan saudaraku Hassan juga telah wafat, kesemua mereka itu telah meninggalkan kita ... hai para khalifah yang terdahulu! Segala perjuangan yang telah telah kamu laksanakan demi untuk kepentingan agama dan watan, adalah menjadi contoh kepada orang-orang yang datang sesudah kamu.”

Hingga di sini Zaynab pun terhenti daripada menangis: dan sewaktu melihat Siti Zaynab menangis itu, maka Saiyidina Husain pun bangkit bangun mendapatkan Siti Zaynab yang sedang bergelimang dengan air mata itu, seraya berkata:

“Pergilah kekanda pulang! Janganlah mengikuti jejak adinda yang akan pergi menyabung nyawa ke medan peperangan. Sebenarnya jiwa kekanda telah dirasuk oleh syaitan.”

“Husain adikku! (Kata Siti Zaynab lagi).

kekanda berharap supaya kekandalah yang akan mati terbunuh di medan pertempuran menggantikan tempatmu, wahai Husain.”

Saiyidina Husain yang mulai hendak melangkah keluar itu terpegun sebentar ketika ia mendengarkan kata-kata yang dikeluarkan oleh kakaknya itu ia pun surut kembali melangkah mendapatkan Siti Zaynab sambil menenung dengan tepat ke muka kakaknya; sedang dari kelopak matanya keluar beberapa titis air mata kesedihan membasahi kedua belah pipinya, sambil ia berkata:

“Tetapkanlah perasaan jiwamu, wahai kekandaku Zaynab! Adinda tidak sekali-kali bersetuju dengan kemahuan kekanda hendak turut sama berjuang menyabung nyawa di samping adinda: kerana berjuang di medan pertempuran mempertahankan kehormatan kaum keluarga dan agama itu adalah kewajipan kaum laki-laki wahai kekanda! Tenangkanlah... fikiran kekanda! Kalau kekanda bertenang dan berfikir dengan lebih saksama tentulah kekanda akan memperolehi keamanan dan ketenteraman jiwa. Oleh yang demikian adinda berharap kekanda akan bertenang dan janganlah diturutkan kemahuan hati yang sedang runsing!” Mendengar kata-kata rayuan daripada adiknya itu, maka Siti Zaynab terus menangis lagi sambil menampar-nampar mukanya seraya berkata dengan suara yang serak:

“Mengapa adinda melarang kekanda yang akan turut sama pergi berjuang ke medan pertempuran demi untuk menegakkan kebenaran dan hak bersama-sama denganmu? Mengapa adinda menghancurkan perasaan hatiku dan meleburkan cita-citaku untuk mati syahid di medan perjuangan di sampingmu wahai Husain? Sungguh remuk-redam hatiku melihatkan kelakuanmu itu.” (Sambil menampar-nampar mukanya lagi serta mengoyak-ngoyakkan akan bajunya. Akhirnya ia gelap mata dan tak sedar akan dirinya. Siti Zaynab jatuh tersungkur di kaki Saiyidina Husain).

Melihat itu, Saiyidina Husain tunduk mengangkat kepala kakaknya dan merenjis-renjiskan air ke mukanya. Sejurus kemudian Siti Zaynab pun sedar dari pengsansannya. Setelah dilihatnya kakaknya itu telah siuman maka Saiyidina Husain pun terus berkata:

“Hai kekanda! Takutilah akan Allāh, besabarlah menerima segala percubaan hidup di maya pada ini. Ketahuilah bahawa semua makhluk Tuhan yang berada di muka bumi ini dan di atas langit juga kesemuanya akan mati. Mereka tidak akan kekal hidup selama-lamanya; yang kekal hanya Allāh Subhānahu wa ta‘alā sahaja.” (Setelah berdiam seketika, maka Saiyidina Husain pun menyambung kata-katanya lagi):

“Bapaku lebih baik daripadaku, ibuku lebih baik daripadaku, dan Hassan saudaraku lebih baik daripadaku; tetapi Rasulullah (S.A.W) lebih baik daripadaku; lebih baik daripada ibuku, lebih daripada saudaraku Hassan dan lebih baik daripada semua kaum Muslimin, dan baginda menjadi contoh tauladan yang sangat baik kepada sekalian manusia. Kekanda Zaynab! Oleh yang demikian, ambillah iktibar ini untuk dijadikan panduan hidupmu!”

Setelah mengucapkan kata-kata itu, maka Saiyidina Husain pun terus meninggalkan Siti Zaynab yang sedang dikelubungi oleh perasaan duka nestapa, menuju ke medan perjuangan untuk mempertahankan maruah dan kemuliaan keluarganya daripada dicabari oleh keluarga Mu‘awiyah. Tetapi alangkah malangnya di dalam pertempuran di Padang Karbala itu Saiyidina Husain gugur terkorban selaku seorang pahlawan Islam, gugur sebagai seorang pemuda pejuang yang mempunyai tanggungjawab besar untuk mempertahankan hak dan kebenaran yang dipusakainya dari ayah dan datuk neneknya; kerana beliau adalah menjadi waris yang mutlak dan kuat bagi agama dan kerajaan

Islam yang diasaskan oleh keluarganya¹ Banī Hashim. Akhirnya di dalam memperjuangkan kebenaran dan hak itu, beliau tewas dan gugur selaku seorang syuhada’ di Padang Karbala.

Jenazah Saiyidina Husain terus di bawa ke Kufah oleh pengikut-pengikutnya yang taat setia untuk dipersembahkan kepada Ibn Ziyad dan untuk diperlihatkan kepada kakaknya Siti Zaynab. Di waktu jenazah Saiyidina Husain diusung melalui jalan raya menuju ke Kota Kufah, maka sekalian penduduk-penduduk kota itu laki-laki dan perempuan dan sahabat-sahabat Saiyidina Husain kesemuanya berlari-lari mendahului mengikuti jenazah yang mulia itu, kerana ingin untuk melihat usungan jenazah itu dari dekat. Perempuan-perempuan kota Kufah banyak yang menangis mencururkan air mata, sambil menampar-nampar pipi mereka dalam perjalanan mereka mengiringi usungan jenazah Saiyidina Husain itu, kerana hati mereka tersangat sedih di atas kehilangan seorang pahlawan yang sangat mereka cintai itu. Ketika usungan jenazah Saiyidina Husain itu sampai ke kota Kufah. Maka Ali anak laki-laki kepada Saiyidina Husain pun tampil ke muka di hadapan orang ramai memberikan kata-kata ucapan di atas kematian ayahnya itu; di antara lain ia berkata:

“Hai ahli Kufah! Mengapa kamu menangis? Ayahanda kami tidak terbunuh: dia hanya pergi untuk menunaikan panggilan Tuhan ke alam akhirat”. (Tiba-tiba dari celah-celah orang ramai itu muncul Siti Zaynab menyambung ucapan yang diberikan oleh anak saudaranya itu dari atas tunggangannya. Ia berkata dengan suara yang keras dan lantang seolah-olah suara seorang permaisuri raja sedang bertitah; katanya:

“Wahai ahli Kufah! Kamu menangis? Kamu menangis berpura-pura sedih? Tahukah kamu akan buruk baiknya perbuatan kamu itu? Hai ahli Kufah! Janganlah

¹ Perkataan sebenarnya adalah keluarganya.

kamu cuba memperolok-olokkan kami, jangan kamu hendak mempermain-mainkan kami; sapuluh air mata kamu sekarang juga. Tak ada gunanya air mata kamu mengalir membasahi pipi-pipi kamu, kerana perbuatan kamu itu tidak mendatangkan sebarang faedah kepada roh yang telah pergi menemui Tuhan. Perlahankanlah suara kamu, jangan terpekik terlonlong seperti kelakuan orang-orang di zaman Jahiliyyah mengiringi jenazah. Kamu sekalian wahai ahli Kufah! Adalah suatu kaum yang munafik, kaum yang mengingkari akan janji-janji yang telah kamu ikat dengan kuat dan teguh.”

“Wahai ahli Kufah! Kamu merasakan bahawa kebenaran itu hanya berada di pihak kamu sahaja; kamu suka menyalahkan pihak orang lain. Oleh itu kamu selalu berlaku bongkak dan sombong atas kegagahan dan keberanian kamu, sekali pun kamu mengetahui yang kamu tidak memperolehi apa-apa pembalasan yang baik dari sifat sombong-bongkak yang telah kamu lakukan itu. Bukankah kamu yang telah menimbulkan perasaan benci-membenci di antara satu sama lain? Bukankah kamu yang telah menanamkan rasa permusuhan sesama sendiri, sehingga melemahkan jiwa seluruh rakyat?”

“Wahai ahli Kufah! Keadaan kamu sama dengan keadaan orang-orang yang menggembala kambing di tengah-tengah padang pasir yang kering tandus; sesia sahaja pekerjaan kamu menggembala dan memberi makan dan minum kambing-kambing kamu di tengah-tengah padang pasir yang tiada padanya air dan rumput. Alangkah kejamnya perbuatan kamu itu.”

“Wahai ahli Kufah! Demi Allah aku berani menegaskan bahawa kamu adalah suatu kaum yang lebih banyak menangis daripada ketawa. Hai ahli Kufah! Apakah yang akan kamu jawab kepada Rasulullah sekiranya baginda berkata begini? (sambil Siti Zainab menuturkan beberapa rangkap syair yang berbunyi:

Apakah yang akan kamu jawabkan,

Jika bertanya Nabi Pilihan,

Kamu adalah umat akhir zaman,

Tetapi apa yang telah kamu lakukan?

Kegemaran kamu hanya bermain,

Dengan darah kamu bercermin,

Inikah perbuatan kamu wahai Mukminin?,

Setelah aku nasihati di sepanjang musim.

Kasih sayang aku berikan,

Kejahatan kamu balaskan.

“Wahai ahli Kufah! Kamu menyangka bahawa kamu akan terlepas dari segala kehinaan dan kejahatan, bila kamu telah berjaya membunuh Husain? Tidak sekali-kali ... Tidak! ... Kamu telah bergelimang dengan dosa; sekali pun dosa-dosa kamu itu kamu basuh, kamu cuci dengan air mata sebanyak lautan, maka tubuh badan dan jiwa kamu tidak akan bersih daripada noda dan dosa dari perbuatan kejam dan zalim yang telah kamu lakukan itu.”

“Celakalah kamu wahai ahli Kufah! Lantaran kamu tidak dapat menebus dosa-dosa kamu, selagi kamu tidak dapat menghapuskan perbuatan-perbuatan kejam dan zalim yang telah kamu lakukan ke atas keturunan Nabi di akhir zaman, dan selagi kamu tidak mahu memberhentikan segala kekacauan yang kamu lakukan di dalam negeri, untuk memulihkan keamanan dan ketenteraman di tempat kamu mengerjakan amalan haji di sekeliling Bayt al-Ḥarām.”

“Celakalah kamu wahai ahli Kufah! Alangkah buruknya nasib kamu kerana kamu dapat diperkosa oleh hawa nafsu kamu sendiri. Allah benci kepada kamu, dan kamu akan menerima azab neraka buat selama-lamanya.”

“Tahukah kamu wahai ahli Kufah! Hati Rasul

Allah telah kamu bawa lari, darah Rasul kamu telah kamu tumpahkan dan maruah kemuliaannya telah kamu musnahkan; perbuatan kamu tersangat kejam; bumi dan langit akan runtuh mengeluarkan segala isinya; gunung-ganang akan lari beralih dari tempat asalnya, dan kamu telah meniupkan angin taufan dari perbuatan-perbuatan kamu yang durjana itu. Oleh itu apakah yang kamu hairankan jika kamu melihat angin menurunkan hujan darah? Azab di akhirat tersangat dahsyat, sedang kamu tidak akan dapat melarikan diri daripadanya; pada ketika itu kamu tidak akan dapat sebarang pertolongan daripada siapa-siapa jua pun; segala perbuatan kamu yang baik akan kamu terima balasan yang baik begitulah sebaliknya segala perbuatan kamu yang jahat akan kamu terima pembalasan yang jahat pula. Perjanjian kamu Allah tidak akan sesiakan; tetapi Allah tidak akan lupa fitnah-fitnah yang kamu bangkitkan dahulu. Tuhan kamu tetap selamanya berlaku adil kepada siapa-siapa yang telah

melakukan kejahatan dan kebaikan.”

Setelah Siti Zainab selesai daripada mengucapkan kata-kata pidatonya yang panjang lebar itu, maka ia pun terus menghindarkan² diri berlalu dari tempat itu.


(Bersambung)

Jangan engkau harap-harapkan kesenangan akhirat dengan tidak beramal; begitu pula jangan engkau harap-harapkan kesenangan dunia dengan tidak berusaha dan bekerja. -

(Al-Hakim).

Bahagia yang sebenarnya itu, terletak di atas kejayaan seseorang silih-berganti, dan kejayaan itu tidak akan tercapai kalau tidak diiringi dengan perjuangan. -

(Ameen Rihani).



Jam besar yang kelihatan itu ialah jam bagi gedung Universiti Kuwait di sebelah kanannya ialah pejabat khas bagi pegawai-pegawai yang bekerja di universiti tersebut.

² Perkataan sebenarnya adalah menghindarkan.